

Notis undang – undang

Terma dan syarat yang di nyatakan di dalam ini tertakluk kepada semua pengguna internet yang menggunakan laman sesawang ini. Dengan menggunakan laman sesawang in, pengguna bersetuju dengan terma dan syarat yang telah di ditetapkan. Sekiranya terma dan syarat ini berubah mengikut keperluan tanpa sebarang notis masa, pengguna harus merujuk kepada pihak pengurusan dengan sewajarnya.

1. Harta intelek

Laman sesawang ini adalah hak milik dan di uruskan oleh sanofi-aventis (Malaysia) Sdn. Bhd. (“Sanofi Malaysia”), di bawah Kumpulan Sanofi. Segala reka letak dan setiap komponen yang di paparkan di laman sesawang www.denguepatrol.com.my (“Laman Sesawang”), termasuk segala gerak kerja hakcipta, rekaan, tanda nama syarikat, logo, dan nama domain, adalah di lindungi oleh undang-undang harta intelek, dan di miliki sepenuhnya oleh Kumpulan Sanofi beserta subsidiari, atau penggunaanya tertakluk kepada lesen yang di benarkan.

Tiada komponen di dalam laman sesawang ini boleh di salin semula, di hasilkan semula, di ubahsuai, di muat turun, di hantar di dalam apa cara atau medium sekalipun, secara separa atau menyeluruh, tanpa kebenaran bertulis kepada Sanofi Malaysia. Sebarang lesen yang di berikan oleh Sanofi Malaysia tertakluk kepada (i) hak harta intelek Sanofi Malaysia dengan/atau Kumpulan Sanofi yang di patuhi dan tiada pelanggaran atau prejudis di dalam hak harta intelek tersebut dan (ii) mengikuti piawaian undang – undang. Semua lesen yang di berikan, boleh di tarik balik atau di tamatkan pada bila – bila masa oleh Sanofi Malaysia tanpa sebarang notis. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, salinan untuk kegunaan peribadi tanpa tujuan komersial dengan menggunakan komputer peribadi adalah di benarkan.

Notis berikut akan di paparkan pada semua atau sebahagian laman sesawang yang telah di sahkan: “COPYRIGHT 2012-2017 – sanofi-aventis Malaysia Sdn Bhd – ALL RIGHT RESERVED”.

Sebarang penggunaan perkara yang telah di sahkan di dalam laman sesawang tidak boleh di ubahsuai di dalam apa cara sekalipun.

Sanofi Malaysia, Kumpulan Sanofi dan subsidiari berhak untuk mengambil tindakan undang – undang sekiranya berlaku pelanggaran terhadap hak harta inteleknya.

2. Jenis maklumat

Laman sesawang ini mungkin akan memaparkan pandangan pakar di dalam bidang yang sesuai berdasarkan kandungan laman sesawang atau sedutan daripada penerbitan sebelumnya. Sebarang pemaparan maklumat ini adalah pandangan daripada pakar yang di nyatakan atau penerbitan sebelumnya, dan tidak semestinya melambangkan pandangan Sanofi Malaysia atau Kumpulan Sanofi. Pakar yang di nyatakan bukan pekerja di bawah Sanofi Malaysia atau Kumpulan Sanofi dan tidak menerima sebarang bayaran daripada Sanofi Malaysia di atas pandangan yang di berikan. Sanofi Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang ketepatan maklumat atau pandangan yang di berikan. Pandangan pakar adalah pandangan peribadi mereka dan tidak boleh di sabitkan sebagai pandangan atau tanggungjawab Sanofi Malaysia atau Kumpulan Sanofi. Segala perkara yang di paparkan di laman sesawang (termasuk pandangan pakar) dan maklumat yang di bekalkan oleh Sanofi Malaysia di atas soalan yang di

ajukan melalui ruangan laman sesawang (“Maklumat”) adalah bersifat umum dan tidak bertujuan untuk rujukan dan nasihat perubatan dengan/atau diagnosis perubatan dan tidak boleh di gunakan sebagai panduan untuk perubatan dengan/atau diagnosis perubatan. Pengguna patut merujuk kepada pakar perubatan atau pakar farmasi yang bertauliah. Sanofi Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan segala maklumat yang di bekalkan lengkap dan tepat, namun tiada jaminan bahawa maklumat yang di bekalkan itu tepat.

3. Pautan ke laman sesawang yang lain

Laman sesawang pihak ketiga yang boleh di akses melalui laman sesawang ini tidak di pantau dan di uruskan serta bersifat bebas daripada Sanofi Malaysia. Kewujudan pautan di antara laman sesawang ini dan laman sesawang pihak ketiga tidak semestinya oleh pihak Sanofi Malaysia memperakui segala maklumat di dalam apa cara sekalipun, yang terdapat di dalam laman sesawang pihak ketiga itu. Sebarang risiko di atas penggunaan laman sesawang pihak ketiga tidak boleh di pertanggungjawabkan kepada Sanofi Malaysia.

Selain itu, pengguna bertanggungjawab untuk mengambil langkah pencegahan yang sepatutnya untuk mengelakkan serangan virus, Trojan atau segala parasit daripada laman sesawang ini.

Laman sesawang luar mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang ini. Pautan ini tidak boleh di wujudkan tanpa kebenaran daripada Sanofi Malaysia. Sanofi Malaysia juga tidak akan bertanggungjawab terhadap laman sesawang luar yang sudah tidak beroperasi dan Sanofi Malaysia tidak akan meneliti, menyemak dan memberi kebenaran atas segala maklumat, pengiklanan, produk dan segala komponen yang wujud di dalam laman sesawang itu.

4. Maklumat peribadi dan maklumat lain

4.1 Laman sesawang ini tidak bertujuan untuk mengumpul maklumat peribadi daripada pengguna. Sekiranya pengguna memberikan maklumat peribadi, dengan/atau termasuk tanpa batasan nama dan talian hubungan, kepada Sanofi Malaysia atau laman sesawang ini, dengan menghubungi Sanofi Malaysia dengan/atau melanggan sebagai ahli laman sesawang ini, dengan/atau meletakkan testimoni produk, atas kerelaan pengguna sendiri, maka Sanofi Malaysia tidak akan mendedahkan maklumat peribadi ini kepada pihak ketiga kecuali bagi urusan servis yang di lantik untuk menguruskan laman sesawang ini. Sanofi Malaysia akan menggunakan maklumat peribadi ini bagi tujuan kemaskini laman sesawang ini, menjawab soalan yang di kemukan dengan/atau memberikan maklumat terkini aktiviti. Maklumat peribadi ini tidak akan di simpan sehinggalah tujuan yang di sebutkan ini selesai.

Sekiranya pengguna memberikan maklumat peribadi kepada Sanofi Malaysia bagi tujuan laporan aktiviti salah laku, atas kerelaan pengguna sendiri, maka Sanofi Malaysia tidak akan mendedahkan maklumat peribadi ini kepada pihak ketiga kecuali bagi urusan servis yang di lantik untuk menguruskan laman sesawang ini dan tertakluk kepada undang – undang. Sanofi Malaysia berhak untuk menghubungi pengguna untuk maklumat lanjut salah laku yang terlibat. Segala perkara ini adalah tertakluk di bawah kerelaan pengguna sendiri. Sanofi Malaysia mungkin akan menggunakan maklumat ini bagi tujuan penguatkuasaan prosedur dalaman dan akan menghubungi pengguna bagi tujuan salah laku tersebut. Wujud kemungkinan bahawa maklumat ini akan di salurkan kepada pihak luar yang berada di luar lingkup negara. Pengguna bersetuju untuk menyalurkan maklumat ini kepada pihak luar di mana maklumat ini akan di

proses. Maklumat peribadi ini tidak akan di simpan sehinggalah tujuan yang di sebutkan ini selesai.

Sanofi Malaysia akan memastikan segala maklumat peribadi pengguna di lindungi dengan undang-undang perlindungan maklumat peribadi.

Seiring dengan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi 2010 (PDPA) atau undang-undang yang berkaitan, pengguna mempunyai hak untuk mengakses dan kemaskini, ubahsuai, dan membuang maklumat peribadi pengguna. Bagi tujuan itu, pengguna boleh menghantar permohonan secara atas talian atau pos seperti berikut:

Atas talian: www.denguepatrol.com.my

Secara pos: sanofi-aventis (Malaysia) Sdn Bhd, Level 18-1, Tower B, Plaza 33, No.1, Jalan Kemajuan Seksyen 13, 46000, Petaling Jaya, Malaysia.

Perhatian kepada: Chen Mi-Ghent

Segala maklumat atau aduan berkaitan maklumat peribadi pengguna boleh di ajukan terus kepada alamat yang di nyatakan.

- 4.2 Laman sesawang ini tidak bertujuan untuk mengumpul maklumat rahsia daripada pengguna. Sebagai peringatan, selain daripada maklumat peribadi yang di nyatakan, segala maklumat rahsia sama ada di dalam bentuk borang – dokumen, data, grafik, soalan, konsep, komen dan sebagainya – yang di hantar kepada Sanofi Malaysia melalui laman sesawang ini akan di klasifikasikan sebagai tidak rahsia. Sebagai peringatan, tindakan pengguna menghantar maklumat ini kepada Sanofi Malaysia, telah memberikan hak kepada Sanofi Malaysia untuk menggunakan, menyalin, menerbitkan, dan menghantarnya. Pengguna akan memastikan segala maklumat yang di bekalkan kepada Sanofi Malaysia atau kepada pihak ketiga melalui laman sesawang ini (i) adalah tepat, lengkap dan boleh di yakini, (ii) tidak melanggar mana-mana hak harta intelek mana mana pihak luar, (iii) tiada unsur fitnah, salahguna, penghinaan, ugutan dan segala perkara yang melanggar notis undang-undang (seperti hak penyiaran dan publisiti) dan dengan/atau (iv) tidak menyebarkan sebarang fitnah, lucah, tidak senonoh, maklumat yang mengelirukan, atau maklumat yang menyalahi undang-undang; dan pengguna yang meyebabkan pihak Sanofi Malaysia menanggung kerugian di atas tindakan yang telah di lakukan. Sanofi Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti di atas maklumat yang di paparkan, tidak terhad kepada kesilapan, fitnah, palsu, lucah, pornografi, kata-kata kesat, bahaya dan maklumat yang tidak tepat yang terkandung di dalamnya. Sanofi Malaysia boleh mengambil langkah berjaga-jaga dengan mempunyai hak untuk untuk menghadkan akses pengguna di dalam laman sesawang tanpa notis.
- 4.3 Segala penyerahan maklumat oleh pengguna ke laman sesawang ini adalah di bawah kerelaan pengguna sendiri, dan pengguna tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan bayaran sama ada bagi pihak pengguna, atau pihak ketiga di atas segala maklumat yang di paparkan oleh pengguna.

5. Had liabiliti

Sanofi Malaysia berusaha untuk memastikan bahawa segala maklumat yang di bekalkan ke dalam laman sesawang adalah terkini. Ia berhak untuk membetulkan semula maklumat pada bila-bila masa tanpa notis. Namun begitu, Sanofi Malaysia tidak mejamin bahawa maklumat yang di paparkan adalah sentiasa terkini, tepat dan lengkap.

Berdasarkan undang-undang Malaysia, Sanofi Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kerosakan, untuk sebarang alasan, atau punca, sebarang keadaan, termasuk tanpa had liabiliti: ketidaktepatan maklumat atau palsu, ketika maklumat berada di laman sesawang ini; atau Sebarang kehilangan atau kerosakan ketika menggunakan maklumat, dan kebergantungan kepada maklumat; dan

Sebarang kerosakan yang terhasil akibat pencerobohan pihak ketiga, mengakibatkan ubahsuai maklumat, atau terpapar di laman sesawang; dan

Sebarang kerosakan harta benda atau kehilangan, bagi sebarang sebab, atau punca, pada sebarang keadaan, walaupun Sanofi Malaysia telah di berikan amaran berhubung kemungkinan yang bakal terjadi, di sebabkan oleh (i) akses kepada laman sesawang atau kerana tiada kemungkinan untuk mengaksesnya; (ii) di sebabkan penggunaan laman sesawang ini, termasuk virus yang menjejaskan komputer dan peralatan peribadi, dengan/atau (iii) kerana akibat nota kredit yang di berikan kerana maklumat yang di bekalkan melalui laman sesawang ini.

Komponen yang di bekalkan adalah seperti yang di paparkan tanpa jaminan secara tersurat dan tersirat. Sanofi Malaysia tidak memberikan jaminan sama ada secara tersurat dan tersirat, tanpa had kepada kualiti atau kesesuaian.

6. Kesediaan laman sesawang

Pengguna mengakui bahawa (i) adalah mustahil untuk memastikan laman sesawang ini bebas daripada sebarang cela dan Sanofi Malaysia tidak boleh di pertanggungjawabkan (ii) sebarang cela ke atas laman sesawang ini mungkin menyebabkan laman sesawang di tutup sementara; dan (iii) operasi laman sesawang ini mungkin terganggu oleh di sebabkan dengan/atau perkara yang tidak di kawal oleh Sanofi Malaysia contohnya transmisi dan komunikasi di antara pengguna dan Sanofi Malaysia dan di antara Sanofi Malaysia dengan rangkaian yang lain.

Sanofi Malaysia dengan/atau penyedia perkhidmatan, pada bila bila masa, boleh mengubah atau mengganggu, secara sementara atau kekal, semua atau sebahagian bagi laman sesawang ini, bagi urusan penambahbaikan ke atas laman sesawang. Sanofi Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas segala perubahan, gangguan atau gangguan ke atas laman sesawang.

7. Maklumat produk

Informasi yang tertakluk dan di pameran di laman sesawang boleh di rujuk secara langsung atau tidak langsung kepada produk, program dan servis oleh Kumpulan Sanofi yang tidak di umumkan atau tersedia di sesetengah negara atau kawasan yang di bekalkan di bawah nama yang berbeza dan tertakluk kepada peraturan dan terma penggunaan di negara yang terbabit. Rujukan ini tidak bermaksud bahawa Kumpulan Sanofi bertujuan untuk menjual, program atau servis yang terdapat di negara berkenaan. Pengguna boleh merujuk kepada subsidiari Sanofi tempatan atau rakan jualan Sanofi untuk segala maklumat berkaitan produk, program dan servis yang terdapat di negara berkenaan.

8. Peruntukan undang-undang

Laman sesawang ini dan segala kandungannya tertakluk di bawah undang-undang Malaysia, dan segala pertikaian berkenaan adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah di Malaysia.

9. Maklumat laman sesawang

9.1 Penerbit laman sesawang

Sanofi-aventis (Malaysia) Sdn Bhd,
Level 18-1, Tower B, Plaza 33,
No.1, Jalan Kemajuan Seksyen 13,
46000, Petaling Jaya, Malaysia.

Sanofi-aventis (Malaysia) Sdn Bhd, adalah syarikat yang berdaftar di Malaysia, di bawah nombor pendaftaran 334110-P.

9.2 Ketua penerbitan

Raja Arif Shah, Pegurus projek, FP Avante Sdn Bhd,

9.3 Hos laman sesawang

FP Avante Sdn Bhd,
C-3A-02, Block C, Oasis Square,
No.2, Jalan PJU 1A/7A,
Selangor.

10. Kredit video/gambar:

Untuk tindakan agensi